



INSTITUSI BERAJA BUKAN LAMBANG SEMATA-MATA

Malaysia merupakan sebuah negara unik yang bukan sahaja memiliki kepelbagaian kaum dan agama, namun mengamalkan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang tersendiri sekalipun berada dalam batas demokrasi.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, sistem pemerintahan Malaysia adalah berdasarkan nilai-nilai tradisi yang dipegang erat semenjak era prakolonial lagi. Nilai-nilai tradisi seperti institusi beraja disesuaikan dengan sistem demokrasi apabila sistem ini juga diamalkan di banyak negara dalam sistem antarabangsa. Sebarang tuduhan yang mempersoalkan kedaulatan sistem beraja sebagai tunjang sistem pentadbiran dan pemerintahan negara amat tidak wajar, apatah lagi Malaysia telah melewati tahun ke-64 kemerdekaan. Seharusnya dengan usia kemerdekaan yang menjengah lebih setengah abad, rakyat di tanah bertuah ini semakin memahami dan menghayati semangat kenegaraan yang diperkukuh melalui Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Institusi beraja mempunyai peranan yang cukup signifikan dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara. Institusi beraja bukan sekadar lambang semata-mata, namun mencakupi pelbagai peranan yang kritikal bagi menstabilkan keharmonian negara. Hal ini dapat dilihat ketika negara berada dalam krisis politik, misalnya melalui peletakan jawatan Perdana Menteri Malaysia ketujuh pada tahun 2020. Keadaan negara masih lagi stabil sekalipun secara dasarnya pergolakan politik seperti itu mampu menatijahkan keadaan huru-hara berikutan tumbangannya keseluruhan parti kerajaan yang mentadbir negara. Rentetan daripada itu, peranan Yang di-Pertuan Agong yang begitu teliti dalam melakukan segala usaha untuk mencari penyelesaian bagi kemelut itu berpandukan kuasa yang diperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan telah berjaya menangani kemelut politik

yang tidak berkesudahan, sekali gus menjadi badan institusi semak dan imbang.

Dewasa ini, terdapat kenyataan yang dituturkan oleh individu tertentu berhubung dengan kedaulatan institusi beraja di negara ini. Dakwaan yang menyatakan bahawa masyarakat bukan Islam di negara ini tidak perlu patuh kepada titah Sultan dan Raja tidak boleh digunakan kepada bukan Islam kerana melanggar hak perundangan mereka, tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh institusi beraja terhadap bukan Islam, apa-apa titah dikeluarkan, sama ada daripada Sultan atau Yang di-Pertuan Agong, tidak terpakai kepada bukan Islam merupakan suatu kenyataan dangkal dan boleh mengganggu gugat kestabilan dan keharmonian negara.

Pihak-pihak ini berpendapat, Sultan seorang yang beragama Islam dan hal ini bermakna Islam menjadi faktor utama yang mempengaruhi sesuatu keputusan dan tindakan. Perlembagaan menyatakan individu

berhak mengamalkan agama masing-masing tanpa mengikuti Islam. Oleh hal yang demikian, mereka berpendapat keputusan Sultan menafikan hak asasi rakyat Malaysia kerana dipengaruhi oleh nilai Islam seperti yang dijamin Perlembagaan Persekutuan. Secara kesimpulan, mereka berpendapat bahawa mereka tidak perlu mengikut amalan dan kepercayaan Islam. Sultan beragama Islam dan titah Sultan tidak terpakai kepada mereka. Kenyataan lain yang dikeluarkan oleh pihak-pihak ini bagi menyokong pendapat mereka dalam konteks rakyat Malaysia dijamin kebebasan bersuara, berekspresi dan beragama. Tambahan pula, masyarakat bukan Islam di negara ini turut membayar cukai. Pembayaran cukai merupakan bukti bahawa masyarakat bukan Islam telah taat setia kepada negara kerana melunaskan pembayaran seperti yang dituntut bagi setiap individu yang menjadi rakyat Malaysia. Semua ini jelas ditulis dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, bagi mereka, masyarakat bukan Islam tidak perlu taat kepada titah Sultan dan Raja

Kenyataan sedemikian bukan sahaja boleh menjejaskan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum dan agama, bahkan mampu mengganggu gugat kestabilan negara yang didirikan atas persefahaman yang kukuh sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Jika pihak-pihak tersebut menggunakan Perlembagaan Persekutuan dan mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan mengikut kehendak peribadi mereka, maka perlu juga tulisan ini merujuk Perlembagaan Persekutuan sebagai punca kuasa kepada kedaulatan institusi beraja di negara ini. Menurut Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah Tunjang Utama Negara bagi Persekutuan yang memperuntukkan bahawa baginda ialah Utama Negara bagi Persekutuan yang mempunyai keutamaan dan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan tidak boleh didakwa dalam percabaran mana-mana mahkamah sekalipun kecuali dalam Mahkamah Khas. Melalui peruntukan ini sahaja jelas menunjukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Negara dan sebagai ketua sewajarnya titah perintah baginda diikuti oleh mana-mana warganegara yang mahu dan ingin menjadi rakyat Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Raja Perlembagaan juga mempunyai bidang kuasa yang luas seperti yang dikanunkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Baginda mempunyai peranan dan fungsi dalam tiga cabang kerajaan iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Melalui cabang Eksekutif yang menjadi jentera bagi pentadbiran negara, diketuai oleh Perdana Menteri dan Jemaah Menteri bagi melaksanakan titah dan dasar kerajaan. Walau bagaimanapun, sebilangan masyarakat menganggap kerajaan itu merupakan parti politik yang memenangi pilihan raya umum. Gelaran seperti Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan Harapan ataupun Kerajaan Perikatan Nasional adalah tidak begitu tepat kerana yang sebenarnya ialah Kerajaan Yang di-Pertuan Agong. Parti-parti politik yang memenangi pilihan hanyalah wakil kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan fungsi pentadbiran negara.

Sekiranya ada pihak yang menyatakan bahawa titah Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja tidak perlu dipatuhi oleh masyarakat bukan Islam, mengapakah mereka perlu bertanding dan ingin menang dalam pilihan raya? Bukankah sekiranya menang pilihan raya dan apabila menjadi parti mewakili kerajaan mereka perlu menjalankan fungsi dan peranan yang diwakilkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja kepada rakyat? Perlu diingatkan bahawa majoriti negeri di Malaysia mempunyai Raja atau Sultan semenjak zaman berzaman. Secara prinsip, Raja atau Sultan ialah "tuan tanah" bagi negeri tersebut dan sebagai "tuan tanah" sesiapa yang tinggal di atas tanah mereka perlu akur dengan titah perintah "tuan tanah" tersebut. Mengambil dakwaan pihak tersebut yang menyatakan bahawa keputusan Sultan sebenarnya telah menafikan hak asasi rakyat Malaysia kerana dipengaruhi oleh nilai Islam seperti dijamin Perlembagaan Persekutuan juga sangat tidak relevan.

Benar, sistem pentadbiran dan pemerintahan negara sememangnya berlandaskan Islam kerana Islam ialah salah satu daripada unsur tradisi negara ini. Namun begitu, menurut Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3 juga jelas menyatakan bahawa Islam sebagai agama

bagi Persekutuan, tetapi agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan. Kebebasan beragama sememangnya telah dijamin dan pemerintah Islam di negara ini tidak pernah sekali pun mengganggu hak dan kebebasan masyarakat bukan Islam menjalankan kepercayaan mereka sehingga banyaknya rumah ibadat bukan Islam didirikan tanpa sebarang gangguan. Pada masa yang sama, masyarakat bukan Islam boleh mengamalkan agama masing-masing tanpa diskriminasi dan penindasan sekalipun Sultan, Raja mahupun Perdana Menteri beragama Islam dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Melalui Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, juga dengan jelas menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan penduduk asli di mana-mana Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain. Oleh sebab itu, tidak wajar apabila timbulnya sebarang dakwaan bahawa Yang di-Pertuan Agong mahupun Raja dan Sultan-Sultan tidak menjaga kepentingan kaum-kaum lain kerana hal tersebut secara jelas tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka itu, untuk apakah pihak-pihak ini cuba menggugat keharmonian yang sekian lama terjalin di negara ini?

Oleh hal yang demikian, sebarang kenyataan yang berbau hasutan sewajarnya diambil tindakan yang paling tegas oleh pihak berkuasa tanpa memilih individu mahupun kumpulan terbabit. Jika tidak, prinsip keempat dalam Rukun Negara, iaitu kedaulatan undang-undang tidak lagi mempunyai "kedaulatan" kerana tidak dijalankan dengan sebaik-baiknya. Titah Sultan mahupun Raja perlu dipatuhi oleh sekalian rakyat kerana bukan sekadar lambang keakuan sebagai rakyat Malaysia, malah institusi beraja merupakan asas utama kepada sistem pemerintahan dan pentadbiran Malaysia. Persoalannya, untuk apakah bergelar rakyat Malaysia jika kita tidak mahu akur akan perintah Ketua Negara? □

Penulis, Penolong Pengarah di Kluster Kenegaraan, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.